

13/09/2003

RM80j tingkat kecemerlangan seni

KERAJAAN memperuntukkan RM80.3 juta tahun depan untuk meningkatkan kecemerlangan dan pendidikan seni kerana menyedari kepentingannya dalam menggambarkan identiti sebuah masyarakat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata penerbit filem tempatan juga dibenar mendapatkan pinjaman dan modal awal daripada Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) untuk menghasilkan filem.

Katanya, dengan langkah ini diharap pengusaha filem dapat menggantikan filem import yang ditayangkan di pawagam dan saluran TV tempatan ketika ini.

Selain itu, sumbangan sektor swasta terhadap kegiatan seni budaya juga diberi galakan baru dengan potongan cukai sehingga RM300,000 berbanding sebelum ini hanya sehingga RM200,000.

Beliau berkata, hasil seni tempatan harus dipupuk untuk terus mekar dan segar bagi menarik minat pencinta seni.

"Kekurangan hasil karya seni dan budaya tempatan yang berkualiti sebelum ini mengakibatkan pengusaha seni membawa masuk persembahan dari luar negara.

"Kerajaan banyak menyediakan kemudahan seperti Istana Budaya, Dewan Filharmonik di KLCC, Auditorium DBKL dan beberapa dewan teater eksperimental serta pusat latihan Akademi Seni Kebangsaan untuk meningkatkan kecemerlangan seni budaya negara," katanya.

Katanya, kerajaan juga banyak memberikan insentif cukai untuk menggalakkan kegiatan kebudayaan dan kesenian, termasuk pengecualian duti hiburan ke atas pementasan teater, cukai pendapatan ke atas penggubah muzik dan sumbangan sektor swasta untuk menaja persembahan kebudayaan dan kesenian.